

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan pelarasan bayaran Elaun Perumahan Wilayah kepada penjawat awam yang berasal dari Sabah yang sedang berkhidmat di Malaya dan Sarawak seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan semasa menjawab soalan perbahasan Bajet 2021 tahun lepas.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

1. Kerajaan sentiasa prihatin dalam membela kebajikan penjawat awam khususnya melalui penambahbaikan kemudahan dan elaun dari semasa ke semasa bagi membolehkan mereka mendepani kos sara hidup yang semakin meningkat.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, Elaun Perumahan Wilayah (EPW) atau kini dinamakan sebagai Bayaran Insentif Perumahan Wilayah (BIPW) merupakan satu kemudahan yang diberikan kepada pegawai yang bertukar wilayah antara Semenanjung, Sarawak, Sabah dan Labuan bagi membantu mereka menghadapi kos sewaan rumah yang berbeza di penempatan masing-masing. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada kadar sewa pasaran yang ditinjau oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) di bandar atau kawasan yang mana letaknya pejabat pegawai yang berkenaan.
3. Merujuk kepada Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, kadar BIPW yang diguna pakai pada masa kini adalah berdasarkan maklumat kadar sewa pasaran oleh JPPH pada tahun 2000. Selaras dengan itu, kajian penjajaran kadar BIPW telah pun dijalankan pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan penyelarasan kadar-kadar BIPW berkaitan kerana melibatkan implikasi kewangan yang tinggi terhadap Kerajaan.
4. Oleh yang demikian, buat masa ini pelarasan kadar BIPW kepada penjawat awam yang bertukar Wilayah termasuk berasal dari Sabah yang sedang berkhidmat di Semenanjung, Sarawak dan Labuan sedang diteliti dengan terperinci melalui Kajian Rasionalisasi Elaun Perkhidmatan Awam yang sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan dan dasar Kerajaan mengenai dasar pemilikan dan penjualan saham Bumiputera di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dan bagaimana ia dapat membantu golongan Bumiputera secara jangka masa panjang termasuk golongan bumiputera di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah mensasarkan pencapaian pemilikan ekuiti korporat Bumiputera adalah sekurang-kurangnya 30%. Sasaran ini diteruskan dalam Model Baru Ekonomi dan seterusnya dalam tempoh RMKe-12. Walau bagaimanapun, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera masih belum tercapai setakat ini.

2. Seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan RMKe-12, pemilikan ekuiti sektor korporat berasaskan nilai pasaran pada tahun 2019 bagi pegangan Bumiputera adalah 17.2%, bukan Bumiputera 25%, asing 45.5% dan nomini 12.3%.

3. Dalam memastikan pemilikan ekuiti Bumiputera agar terus mampan, Kerajaan telah memperkenalkan strategi dan inisiatif pemilikan ekuiti sektor korporat Bumiputera termasuk untuk membantu golongan Bumiputera di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- i. Mengkaji semula strategi pelaburan antaranya, melalui cadangan untuk memperkenalkan kerangka jaringan keselamatan ekuiti;
- ii. Mempertingkatkan literasi pelaburan antaranya, melalui kerjasama antara institusi Bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), MARA dan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia; dan
- iii. Memantapkan peranan syarikat milik Kerajaan (SOE) sebagai pemboleh daya bagi pemilikan ekuiti Bumiputera. Ini akan

dilaksanakan antaranya, dengan memudah cara penyenaiaan lebih banyak syarikat awam tersenarai (PLC) Bumiputera dengan menambah baik program sedia ada.

4. Berhubung cadangan kerangka jaringan keselamatan ekuiti yang akan diperkenalkan, cadangan ini tidak akan mengambil hak kepentingan kaum lain, tidak akan menghadkan pasaran ekuiti Bumiputera dan tidak akan membuka peluang untuk dieksploitasi oleh Bumiputera lain. Sebaliknya, ia adalah untuk memastikan sebarang penjualan saham dan syarikat Bumiputera masih kekal dalam pegangan Bumiputera dan tidak terhakis. Penentuan harga sesuatu saham juga ditentukan oleh permintaan dan penawaran di pasaran terbuka.

Sekian, terima kasih.